



An-Nasihah

Nasihat Menasihat Dengan Kebenaran dan Kesabaran—Badan Dakwah & Rohani (BADAR)
Sekolah Agama Menengah Hisamuddin Sungai Bertih, Klang

EDISI 2009, KELUARAN 2

20 FEBRUARI 2009 (24 SAFAR 1430)

KANDUNGAN :

- Rugi Tidak Rebut Ganjaran Berlipat Ganda Solat Berjemaah.
- Renungan Kata-kata Tokoh Islam
- Memandang Wanita

Rugi Tidak Rebut Ganjaran Berlipat Ganda Solat Berjemaah

Pahala bagi orang bersolat berjemaah bermula ketika dia berjalan keluar rumah menuju masjid hinggalah selesai menunaikan solat secara berjemaah. Bukan setakat itu saja, bahkan ia berlanjutan sehingga dia tiba di rumahnya dari masjid.

Banyak keutamaan solat berje-



maah antaranya keutamaan ketika perjalanan ke masjid.

Bekas perjalanan bagi mereka yang menuju ke masjid untuk bersolat berjemaah akan dihitung dan dibalas dengan ganjaran pahala.

Tambahan lagi langkah perjalanan menuju ke masjid untuk bersolat berjemaah itu dapat menghapuskan dosa dan meningkatkan darjat seseorang manusia di sisi Allah. Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: **"Mahukah kalian aku tunjukkan atas sesuatu yang mana Allah akan menghapuskan dosa dengannya dan terangkat beberapa darjat? Mereka menjawab: Ya wahai Rasulullah. Baginda bersabda: Sempurnakanlah wuduk**

pada saat cuaca sangat dingin, perbanyakkanlah melangkah menuju masjid, dan menunggu selepas solat. Demikianlah itu bagi kalian pertalian." (Hadis riwayat Muslim)

Orang yang keluar menuju masjid dalam keadaan berwuduk untuk mengerjakan solat berjemaah akan mendapat pahala seperti orang yang mengerjakan haji dan juga dianggap melakukan solat daripada permulaan perjalanannya hingga dia kembali ke rumahnya.

Ini sebagaimana sabda Rasulullah daripada Abu Umamah yang bermaksud: **"Barang siapa keluar dari rumahnya dalam keadaan suci (berwuduk) menuju solat wajib (dengan berjemaah) maka pahalanya seperti pahala orang yang mengerjakan haji dengan memakai ihram."** (Hadis riwayat Imam Abu Dawud)

Allah juga menyediakan syurga bagi orang yang pergi dan pulang dari masjid. Dirwayatkan daripada Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda yang bermaksud: **"Barang siapa pergi ke masjid dan kembali, Allah akan menyediakan tempat baginya di syurga setiap kali dia pergi ke masjid dan kembali dari masjid."** (Hadis riwayat al-Bukhari)

Kedua ialah keutamaan ketika berada dalam masjid dan mengerjakan solat secara berjemaah. Adalah

menjadi lumrah bagi kebanyakan insan untuk berasa bangga jika menjadi tetamu kepada orang kenamaan seperti Sultan atau Perdana Menteri.

Namun, begitu ramai kurang memahami dengan menghadirkan diri ke masjid untuk bersolat secara berjemaah kita sebenarnya sedang menjadi tetamu Allah.

Masjid adalah rumah Allah dan tentu sekali sebagai tuan rumah, Allah memuliakan tetamu-Nya.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: **"Barang siapa yang berwuduk dalam rumahnya dan menyempurnakan wuduknya kemudian pergi ke masjid maka dia adalah tetamu Allah dan kewajiban bagi yang dikunjungi untuk memuliakan yang mengunjungi."**

Apabila seseorang itu berada dalam masjid untuk menunggu masuknya waktu solat sesungguhnya dia mendapat pahala seperti berada dalam keadaan bersolat di sisi Allah dan malaikat pula sentiasa mendoakan keampunan serta rahmat baginya.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: **"Seseorang daripada kalian yang menunggu waktu solat, (dia berada) dalam solat selama tidak batal, maka malaikat mendoakan baginya: Ya Allah, ampunkan dia, ya Allah rahmatilah dia."** (Hadis riwayat Muslim)

Mengerjakan solat berjemaah memiliki keutamaan berlipat ganda jika dibandingkan solat sendirian. Daripada 'Abdullah bin 'Umar, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: **"Solat berje-**

(Bersambung ke muka surat 2)



Rugi Tidak Rebut Ganjaran Berlipat Ganda Solat Berjamaah

(Dari muka surat 1)

maah lebih utama jika dibandingkan dengan solat sendirian dengan 27 darjat." (Hadis riwayat Bukhari)

Di samping itu, keutamaan solat berjamaah juga bertambah dengan jumlah orang bersolat. Semakin ramai makmum maka semakin tinggi nilai pahala diperoleh oleh semua makmum.

Daripada Ubai bin Ka'ab, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: **"Sesungguhnya solat seseorang bersama seseorang lebih utama daripada solatnya sendirian, dan solatnya bersama dua orang, lebih utama daripada solatnya dengan seorang dan jumlah yang lebih banyak, maka itulah yang lebih disukai oleh Allah."** (Hadis riwayat Abu Dawud)

Allah juga memberi perlindungan daripada syaitan kepada mereka yang mengerjakan solat berjamaah. Rasulullah bersabda yang bermaksud: **"Sesungguhnya syaitan itu bagaikan serigala bagi manusia seperti serigala bagi kambing, yang menjadikan kambing yang di dalam keadaan sendirian dan lalai sebagai mangsa, maka waspadalah kalian daripada bersendirian dan wajib bagi kalian untuk berjamaah dan pergi ke masjid."** (Hadis

riwayat Ahmad)

Sesiapa yang mendapatkan takbir yang pertama bersama imam selama 40 hari berturut-turut maka Allah membebaskannya daripada api neraka dan kemunafikan.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: **"Barang siapa yang solat kerana Allah selama 40 hari di dalam jemaah dengan mengikuti takbir yang pertama, ditulis baginya dua kebebasan, iaitu bebas daripada api neraka dan kemunafikan."** (Hadis riwayat al-Tirmidzi)

Keutamaan solat berjamaah ada yang berlanjutan sehingga tiba di rumah seperti pahala banyak dan disediakan tempat baginya di syurga.

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: **"Apabila salah seorang di antara kalian berwuduk di rumahnya kemudian datang ke masjid adalah dia berada dalam solat sampai dia pulang."**

Sabda Baginda SAW lagi yang bermaksud: **"Barang siapa pergi ke masjid dan kembali, Allah akan menyediakan tempat baginya di syurga setiap kali dia pergi ke masjid dan kembali dari masjid."** (Hadis riwayat al-Bukhari)

Kelebihan dan keutamaan solat jemaah yang menjanjikan banyak kebaikan sewajarnya menjadi aspirasi bagi kita semua untuk mengerjakan solat secara berjamaah.

(Dipetik dari al-Fikrah.net)

"Nasibmu lebih baik hai burung, kamu makan dan minum, kemudian terbang dari pohon ke pohon, dan kamu tidak takut kepada Hari Pembalasan."

—Sayidina Abu Bakar ketika terpancang seekor burung.



"Kamu meminta aku memerintah seadil Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar. Maka kamu sendiri hendaklah menjadi rakyat yang baik sebagaimana rakyat kedua-duanya."

—Khalifah Al Makmum kepada rakyatnya yang memprotes cara pemerintahannya.

"Aku lebih takut pada dosa-dosa daripada musuh-musuhmu, kerana bila kamu berdosa, Allah tidak akan menolong kamu lagi, maka terbiarlah kamu pada musuh-musuhmu."

—Sayidina Umar Al Khattab r.a. kepada tentera-tenteranya.

"Hai anakku, ingatlah kepada Allah di waktu kamu senang nescaya Dia akan mengingatkamu tatkala kamu susah."

—Abu Darda' menasihati seorang pemuda yang datang kepadanya.

Memandang Wanita

Soalan:

Saya tahu pandangan seorang lelaki adalah haram terhadap wanita. Kadang-kadang saya terpancang mereka berkali-kali. Kemudian saya teringat perintah ALLAH dan terus menundukkan pandangan saya. Berdosakah saya?

Jawapan:

Jarir bin Abdullah r.a berkata:

"Aku bertanya Rasulullah sal-Allahu 'alaihi wasallam tentang

sekilas pandangan. Lalu Baginda mengarahkan agar aku memalingkan pandanganku." - Hadith Riwayat al-Tirmidzi:2700.

Al-Mubarakfuri rh berkata:

"Maksud sekilas pandang ialah terpancang wanita ajnabi secara tiba-tiba dan tidak sengaja. Tetapi jika memanjangkan pandangan ia dikira berdosa."

Firman ALLAH SWT:

"Katakanlah (wahi Muhammad) kepada orang-orang lelaki

yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram)." - Surah al-Nur: 30.

Sabda Rasulullah SAW:

"Wahai Ali, janganlah kamu ikut pandanganmu dengan pandangan yang lain. Pandangan kamu hanya yang pertama dan tiada yang lain." - Hadith Riwayat al-Tirmidzi: 2701.

Oleh itu, dibolehkan jika pandangan yang tidak disengajakan. Manakala **haram** hukumnya jika pandangan dengan niat dan berterusan pula sama ada bernafsu atau diiringi dengan khayalan yang tidak baik.

(Rujuk fatwa Syeikh Muhammad Soleh al-Munajid)